



TEMA : POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA

Perkara : KPT

TAJUK ARTIKEL : JAWATANKUASA BEBAS AKAN DITUBUHKAN, TELITI PENGGUBALAN AKTA BAHARU GANTI AUKU - ZAMBRY

SUMBER : BERNAMA - 20 OGOS 2026

Jawatankuasa Bebas Akan Ditubuhkan, Teliti Penggubalan Akta Baharu Ganti AUKU – Zambry

20/08/2026 12:14 PM



Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir

KUALA LUMPUR, 20 Ogos (Bernama) -- Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) akan menubuhkan jawatankuasa bebas bagi meneliti dan mengkaji seluruh aspek dalam penggubalan akta baharu yang menggantikan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971 (Akta 30).

Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir berkata penubuhan jawatankuasa itu antara langkah susulan selepas Jemaah Menteri mengambil maklum keputusan kerajaan untuk memansuhkan AUKU dan menggantikannya dengan akta baharu dikenali sebagai Akta Satu Pendidikan Tinggi.

"Lantaran itu, kita akan melaksanakan langkah seterusnya, pertama untuk menubuhkan satu jawatankuasa bebas bagi melihat dan meneliti seluruh aspek diperlukan untuk akta baharu yang akan ditubuhkan.

"Kedua, kita akan mewujudkan sesi libat urus melibatkan semua pihak berkepentingan dan ketiga mewujudkan satu kumpulan untuk membangunkan draf undang-undang baharu dan keempat, mesti ada mekanisme peralihan," katanya.

Zambry berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Kebolehpasaran Graduan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) 2026 dan Pelancaran Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan (PSLG) 2026-2030 di sini hari ini.

Belliau berkata mekanisme peralihan penting bagi memastikan operasi universiti tidak terjejas dalam tempoh antara pemansuhan AUKU dan penguatkuasaan akta baharu.



TEMA : POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA

Perkara : KPT

TAJUK ARTIKEL : JAWATANKUASA BEBAS AKAN DITUBUHKAN, TELITI PENGGUBALAN AKTA BAHARU GANTI AUKU - ZAMBRY

SUMBER : BERNAMA - 20 OGOS 2026

"Kita tidak mahu apabila kita menyebut AUKU dimansuhkan hari ini, bagaimana universiti-universiti akan berfungsi? Kalau tidak ada akta yang menyangkut soal perundangan, universiti tidak boleh berfungsi.

"Jadi, kita perlu mencari mekanisme sementara perundangan supaya proses itu dapat berjalan sementara kita membuat keputusan dan memastikan semuanya teratur selepas akta dimansuhkan," katanya.

Zambry berkata proses menggubal akta baharu memerlukan masa memandangkan AUKU merangkumi pelbagai aspek berkaitan pengajian tinggi dan bukan melibatkan satu kelompok tertentu sahaja.

Beliau berkata AUKU yang mempunyai 44 Seksyen merangkumi perkara berkaitan penubuhan universiti, tadbir urus, akademik, mahasiswa serta pelbagai perkara lain.

"Kita bukan sekadar mahu menukar nama tetapi perkara lama masih ada. Kita perlu melihatnya dalam konteks semasa dan juga masa hadapan kerana sedang merangka sebuah akta baharu," katanya.

Zambry berkata KPT tidak mahu mengetepikan mana-mana pihak dalam proses itu dengan semua pihak berkepentingan akan dilibatkan bagi memastikan akta baharu merangkumi keperluan keseluruhan sektor pendidikan tinggi.

"Ini komitmen kita, komitmen saya, kementerian, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, Kabinet dan kerajaan untuk memastikan akta baharu akan merangkumi kesemuanya," katanya.

Ahad lepas, Zambry berkata kerangka perundangan pendidikan tinggi negara yang lebih komprehensif bagi menggantikan AUKU telah digariskan dalam Rancangan Pendidikan Tinggi Malaysia (RPTM) 2026-2035 dan usaha itu sebahagian agenda pembentukan Akta Satu Pendidikan Tinggi yang dilancarkan Januari lepas.

Sebelum ini, Anwar berkata kerajaan akan memansuhkan AUKU bagi memberi kebebasan dan ruang demokrasi lebih luas kepada mahasiswa di negara ini, selepas mengambil kira memorandum serta pandangan dikemukakan kepimpinan mahasiswa yang mahukan perubahan menyeluruh terhadap akta itu.

-- BERNAMA